



Headline: Kerana takut, penipu kenyang perut  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 23 February 2020

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 11

# Kerana takut, penipu kenyang perut



**Nazarudin  
Abu Bakar**

Pengarang Bersekutu  
Edisi Cetak BH  
[nazarudin@bh.com.my](mailto:nazarudin@bh.com.my)

Telefon berbunyi, panggilan daripada nombor telefon bimbit tidak dikenali. "Ini adalah panggilan dari mahkamah, anda ada dua kesalahan jenayah yang akan dibicarakan pada sekian tarikh. Sila hubungi nombor telefon xxx-xxxxxxx untuk bercajak dengan pegawai kami." Tak perlu dihabiskan dialog ini kerana ramai sudah tahu ia panggilan palsu daripada sindiket yang ingin menipu sesiapa juga tanpa memilih bulu.

Pelbagai bentuk penipuan atau scam dilaporkan, antaranya Macau Scam, Love Scam dan African Scam. Namun, yang paling kerap dilaporkan di media ialah Macau Scam. Sudah ramai terkena dan diuar-uarkan di media dengan harapan akan menjadi teladan serta pengajaran daripada menjadi mangsa seterusnya, namun masih ramai yang terjebak.

Mangsanya pula bukan sahaja dalam kalangan kurang berpendidikan, malah sehingga yang berpendidikan tinggi dan berkerjaya yang bukan calang-calang. Ada kalangan doktor dan jurutera turut 'terkena' dengan

sindiket ini. Bagi yang pernah menerima panggilan scam sebegini dan tidak mudah terpengaruh dengannya, akan dapat menilai daripada suara yang memanggil itu bahawa mereka hanya membaca skrip dan cuba mengolah suara seperti mesej rakaman yang disediakan bank dan sebagainya.

Namun, bagi saya apa yang menarik untuk diperhatikan adalah bagaimana mereka masih mampu menjebak mangsa sedangkan sudah beratus-ratus kes dilaporkan di media cetak, televisyen dan media sosial dengan setiap satu kes bukan sedikit kerugian dialami. Di Malaysia jumlah kerugian akibat Macau Scam yang dicatatkan pada 2018, adalah RM55 juta, namun jumlah itu meningkat kepada RM59 juta pada 2019.

Modus operasi mereka sudah banyak didedahkan dan sebahagian besarnya masih sama sejak belasan tahun lalu. Kini walaupun mereka turut menggunakan khidmat pesanan ringkas, malah portal e-dagang bagi memperdaya mangsa, sasarannya tetap sama iaitu wang di dalam bank anda.

Malah ada sindiket yang lebih berani dengan menjadikan negara kita sebagai hab kegiatan penipuan mereka seperti tersiarinya berita penangkapan ramai anggota sindiket dari bangunan pejabat, pangsapuri malah banglo mewah sebagai pusat operasi.

Jangkauan kegiatan penipuan mereka pula sehingga beberapa negara. Mereka ini benar-benar



Keratan muka depan BH, 8 Ogos 2019.

'memanfaatkan' kecanggihan infrastruktur telekomunikasi dan teknologi maklumat yang ada di negara kita.

Jika diperhatikan penjenayah ini menggunakan psikologi untuk menjerat mangsa, iaitu psikologi ketakutan. Dengan menanamkan rasa takut terhadap hukuman, mangsa sangat mudah ditipu, walaupun dia memiliki taraf pendidikan tinggi.

Apabila takut, pemikiran rasional tenggelam, mangsa bagai hilang punca dan terus mempercayai jalan mudah yang ditawarkan sindiket untuk mengelak hukuman mahkamah contohnya.

Secara logik, mana mungkin kakitangan mahkamah menghubungi seseorang itu menggunakan telefon bimbit, malah tiada satu pun agensi kerajaan akan berbuat demikian. Sering kali juga panggilan dari mahkamah diterima pada hujung minggu yang sudah pasti tiada mahkamah dibuka pada waktu itu, melainkan di negeri yang Ahad adalah hari bekerja. Jadi, jika panggilan diterima dari mahkamah

di negeri yang bercuti pada hujung minggu, sudah sepatutnya kita dapat 'menangkap' ia adalah scam.

Kepada yang menerima panggilan sebegini wajar bertenang agar pemikiran yang waras dapat dicerna dan dapat menilai ia suatu penipuan. Jangan cepat melatah dan panik. Rujuk kepada rakan dan pihak berwajib. Elak menggunakan nombor telefon yang mereka beri kononnya untuk rujukan. Sentiasa peka dan mengambil iktibar daripada berita disiarkan di akhbar.

Agensi penguatkuasaan juga sepatutnya meningkatkan lagi latihan bersesuaian bagi mencegah jenayah ini daripada terus berleluasa. Kemahiran teknologi terkini perlu dikuasai bagi mengekang dan memintas kegiatan penjenayah yang menipu, terutama terhadap warganegara kita. Tanpa usaha giat membanteras penipuan seperti ini, dibimbangi semakin ramai menjadi mangsa dan nilai kerugian bagi tahun ini mungkin meningkat berlipat kali ganda.